



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

SIARAN MEDIA

LARIAN MAPPA XX 2025 WILAYAH UTARA:

Pegawai Awam Proaktif Bermula dengan Komuniti Sihat dan Sejahtera

BATU KAWAN, PULAU PINANG, 28 JUN 2025 — Selaras dengan aspirasi Kerajaan MADANI, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dengan kerjasama Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Kampus Wilayah Utara (INTURA) telah menganjurkan Program Larian Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam Ke-20 (MAPPA XX) bagi peringkat Wilayah Utara.

Program ini mendapat dokongan mantap daripada pelbagai jabatan dan agensi kerajaan negeri dan persekutuan serta pihak swasta termasuk Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Pejabat Pembangunan Negeri Pulau Pinang, Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang, Majlis Bandaraya Seberang Perai dan MAKSAK. Antara penaja swasta yang turut terlibat adalah Aspen, Decathlon, Bank Simpanan Nasional dan HZHY. Sememangnya, keterlibatan pelbagai pihak dalam program ini mencerminkan jalinan kerjasama erat dalam mendukung agenda nasional berpaksikan nilai-nilai MADANI.

Larian MAPPA ini turut menerima kehadiran dan sokongan padu terhadap usaha memperkukuh kesejahteraan pegawai awam daripada:

- i. Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli bin Ngah Talib, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan isteri, Yang Mulia Toh Puan Raja Dato' Seri Utama Noora Ashikin binti Raja Abdullah;
- ii. Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang dan isteri, YBhg. Puan Tan Lean Kee;
- iii. YBhg. Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi), mewakili Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dan isteri, YBhg. Dato' Sri Noorhuda binti Haji Alias; dan

- iv. YB Dato' Haji Zulkifli Bin Long, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan isteri, YBhg. Datin Fauziah binti Johari.

AKTIVITI FIZIKAL: STRATEGI PEMBINAAN MODAL INSAN BERDAYA SAING

Program larian yang berlangsung di Aspen Vision City, Batu Kawan ini merupakan siri jelajah kedua selepas Kuantan, Pahang. Ia menyaksikan penyertaan lebih 2,500 peserta merangkumi pegawai awam dan masyarakat dari negeri Pulau Pinang, Perak, Kedah, dan Perlis.

Acara dimulakan seawal 7.00 pagi dengan pelepasan rasmi peserta bagi dua kategori larian sejauh 3KM dan 5KM. TYT Tun, YAB Ketua Menteri, YBhg. Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan isteri masing-masing turut menyertai acara santai senamrobik dan '*fun walk*' sebagai simbol sokongan terhadap amalan gaya hidup sihat.

Bukan sekadar sebuah acara kesukanan, program ini juga menjadi wahana strategik untuk memupuk kesedaran dan perubahan budaya kerja yang lebih sihat, cergas dan lestari. Objektif utama penganjuran ini adalah untuk memberi pendedahan dan galakan berterusan terhadap kepentingan penjagaan kesihatan secara menyeluruh agar pegawai awam mampu memberi reaksi positif dan tangkas dalam menghadapi cabaran semasa serta melaksanakan tanggungjawab dengan lebih berkesan selaras dengan strategi pembinaan modal insan berdaya saing.

MEMUPUK HUBUNGAN STRATEGIK NEGERI-PERSEKUTUAN

Keprihatinan dan kesudian TYT Tun, YAB Ketua Menteri Pulau Pinang, YBhg. Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersama-sama pasangan masing-masing untuk hadir ke Program Larian MAPPA ini telah memberikan impak besar terhadap program dan dilihat berupaya memperkukuh hubungan antara pimpinan tertinggi negara dan komuniti penjawat awam. Ia menjadi simbol aspirasi bersama untuk menyediakan perkhidmatan yang inklusif, responsif dan mesra rakyat, selari dengan nilai Keterangkuman dan Ihsan dalam kerangka MADANI.

Selain larian, pelbagai reruai interaktif melibatkan pelbagai jabatan dan agensi turut diadakan. Pengisian program seperti ini berupaya membuka ruang keterlibatan dua hala antara rakyat dan institusi kerajaan secara lebih terbuka, serta memberi kefahaman lebih mendalam tentang fungsi agensi-agensi terlibat.

LARIAN MAPPA XX: PEMANGKIN ASPIRASI DAN KESEJAHTERAAN NASIONAL

Program ini bukan sekadar acara kesihatan, malah menjadi platform strategik untuk:

- i. Memupuk nilai kerjasama dan kepercayaan antara pegawai awam dan komuniti;
- ii. Meningkatkan kesedaran tentang kesejahteraan menyeluruh;
- iii. Menyokong pembangunan modal insan berkualiti, berintegriti dan kompetitif.

Sebagai pemangkin kepada penganjuran Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam Ke-20 (MAPPA XX) pada Ogos 2025 nanti, program ini memperlihatkan sinergi yang membanggakan antara sektor awam dan swasta. Hal ini dapat dilihat melalui kerjasama pihak Aspen sebagai rakan strategik dalam menyediakan lokasi acara larian.

Melalui pelaksanaan yang menjiwai nilai MADANI, Larian MAPPA XX 2025 Wilayah Utara melangkah sebagai simbol kejayaan sebuah kolaborasi dinamik ke arah perkhidmatan awam yang berdaya tahan, tangkas dan inklusif demi kesejahteraan rakyat dan kemajuan negara.

####

Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh : 28 Jun 2025

E-mel : komunikasi@jpa.gov.my

No. Rujukan: JPA.100-9/1/2 Jld.3 (14)